



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUJU TAHUN (1/2019)



PROGRAM RANTAIAN INTEGRITI “RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA, TAIPING SEJAHTERA”

Program ini merupakan salah satu antara Program Pembudayaan Integriti yang telah dirancang oleh Majlis Perbandaran Taiping dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Perak dalam usaha meningkatkan kesedaran kakitangan Majlis Perbandaran Taiping khususnya dan penjawat awam amnya tentang kepentingan pembudayaan integriti dalam pekerjaan selain menggalakkan amalan nilai – nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.



Program dimulakan dengan acara larian bermula dari kaki Bukit Larut pada jam 7.30 pagi. Manakala acara berbasikal bermula pada jam 8.00 pagi dari Dataran Kedamaian Taman Tasik Taiping. Manakala kakitangan Majlis Perbandaran Taiping dan peserta – peserta yang lain berkumpul di Dataran Warisan untuk melaksanakan program rantaian Integriti sebagai simbolik bagi menyatakan sokongan terhadap usaha membasmi rasuah secara berterusan. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Haji Borhan bin Abdul Halim, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Taiping dan Tuan KPKPj Rosley bin Mohamad Satar, Timbalan Pengarah Operasi SPRM Perak. Seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Majlis Perbandaran Taiping dan kakitangan awam Daerah Larut Matang telah terlibat dalam program ini.

23
JAN
2019

**OPERASI BERSEPADU BERSAMA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN
DAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA
ISLAM PERAK SERTA JABATAN
KESIHATAN PERAK TAIPING**



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

22 FEBRUARI 2019 [JUMAAT] Bahagian Undang-Undang Majlis Perbandaran Taiping telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Majlis Bandaraya Shah Alam. Seramai



6 orang telah hadir ke lawatan tersebut. Lawatan ini adalah bertujuan untuk berkongsi pendapat, pandangan dan pengalaman bagi kes-kes tindakan sivil untuk kes tunggakan sewa dan tunggakan cukai taksiran serta penambahbaikan dalam pengurusan kerja khususnya dalam tindakan pendakwaan kes di Mahkamah termasuk saman yang berkesan yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam. Selain itu, peserta lawatan ini juga turut diberi pendedahan mengenai maklumat berkaitan Laporan dan Prestasi Pendakwaan Kes oleh Majlis Bandaraya Shah Alam serta maklumat-maklumat berkaitan carta organisasi Jabatan yang bertanggungjawab terhadap tindakan pendakwaan kes di Mahkamah.

KATA-KATA BIJAK

**KESALAHAN ORANG-ORANG
PANDAI IALAH MENGANGGAP YANG
LAIN BODOH, DAN KESALAHAN
ORANG-ORANG BODOH IALAH
MENGANGGAP ORANG LAIN PANDAI.**

Pramoedya Ananta Toer

OPERASI BERSEPADU BERSAMA PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH LMS DI BUKIT SPEEDY



**25
MAC
2019**

DITERBITKAN OLEH

BAHAGIAN KUALITI

EDITOR

HAJI NORAZLANI BIN HAMADUDIN

URUSETIA

MUHAMAD SUFISHAHIRAN BIN SUHAIMI

